KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	23.02.22	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			

TNB Genco meterai Mou dengan 3 entiti

PETALING JAYA – TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan tiga pihak iaitu IHI Corporation (IHI), Petronas Gas dan New Energy Sdn. Bhd.

Pemeteraian tersebut adalah untuk mengkaji kebolehlaksanaan rendah karbon dalam rantaian bekalan hidrogen dan ammonia di Malaysia.

Pengarah Urusan TNB Genco, Datuk Nor Azman Mufti berkata, kerjasama ini termasuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pembakaran arang batu bersama ammonia dalam sistem penjanaan sebagai sebahagian daripada inisiatif melenyapkan karbon dalam sektor tenaga negara.

"Bahan api rendah karbon seperti ammonia berpotensi mengurangkan kebergantungan terhadap arang batu.

"Dalam inisiatif kami menuju sumber tenaga lebih hijau melalui plan strategik Hala Tuju Kelestarian TNB, penggunaan ammonia boleh membantu usaha mengurangkan intensiti



NOR AZMAN

pelepasan karbon sebanyak 35 peratus dan mengurangkan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035," katanya dalam satu kenyataan.

Nor Azman menjelaskan, kerjasama itu akan menjadi batu loncatan kepada usaha agresif TNB Genco melaksanakan nyah karbon bagi mencapai sasaran 45 peratus pengurangan intensiti Gas Rumah Kaca (GHG) menjelang tahun 2030.

Tambah beliau, perjanjian tiga pihak ini akan membolehkan IHI menyediakan dandang pembakaran arang batu dan melaksanakan penilaian teknikal menyeluruh dalam pembangunan teknologi pembakaran ammonia di Malaysia.